

Perilaku Pengusaha Produk Halal Terhadap Pengawasan Tata Kelola Label Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

Mohamad Zaini Abu Bakar, Siti Syuhadah Mohamad

ABSTRAK

Pasaran industri halal yang semakin meluas didorong oleh permintaan yang tinggi terhadap produk halal telah menarik minat pelbagai pihak untuk menceburi industri tersebut. Namun dengan bilangan pengusaha yang secara relatifnya rendah dalam industri ini membatasi perkembangan industri halal secara amnya. Kajian ini difokuskan kepada negeri Pulau Pinang yang merupakan antara negeri di Malaysia yang kompetitif dalam industri halal. Tinjauan literatur menunjukkan pemberdayaan industri halal bergantung kepada hubungan antara pihak pengusaha dan pihak tata kelola label halal. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis perilaku pengusaha produk halal terhadap perkhidmatan pihak tata kelola label halal JHEAIPP berdasarkan aspek tata kelola baik (good governance) dalam dimensi pengawasan. Bagi memenuhi objektif ini, kaedah penyelidikan mengaplikasikan data primer melalui borang soal sedik dan data sekunder melalui kajian kepustakaan. Kaedah analisis kandungan dan statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati perilaku pengusaha produk halal di Pulau Pinang mempengaruhi perkhidmatan pihak tata kelola label halal JHEAIPP dari aspek dimensi pengawasan. Perilaku pengusaha terhadap aspek pengawasan pihak tata kelola label halal JHEAIPP memberi kesan kepada bilangan penglibatan pengusaha dalam industri halal.

Kata Kunci: *Kerajaan dan Perniagaan, Industri Halal, Kepengusahaan, Tata kelola Baik*

Halal Product Entrepreneur's Behavior on Supervision of Halal Label Governance The Position of Islamic Religion of Pulau Pinang (JHEAIPP)

ABSTRACT

The market is a rapidly growing halal industry is driven by high demand for halal products has attracted the interest of various parties to venture into the industry. But with the number of operators that are relatively low in this industry to limit the development of the halal industry in general. This study focused on the state of Penang in Malaysia is among the states that are competitive in the halal industry. The literature review shows that empowerment depends on the halal industry, the relationship between the employer and the governance of halal label. Therefore, this study aimed to analyze the behavior of halal product entrepreneurs to service the halal label JHEAIPP governance based on aspects of good governance (good governance) in dimensional inspection. To meet this objective, research methods applied data through questionnaires sedik primary and secondary data through literature review. The method of content analysis and descriptive statistics were used to analyze the data. The study found that the behavior of halal product entrepreneurs in Penang affect the governance services JHEAIPP halal label in terms of dimensional inspection. The behavior of entrepreneurs on the aspects of the supervision of the halal label JHEAIPP governance affects the number of entrepreneurs in the halal industry involvement.

Keywords: *Government and Business, Halal, concession, Good Governance*

Pengenalan

Industri halal merupakan industri yang kini sering mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk dari kalangan negara bukan Islam. Permintaan yang tinggi dalam kalangan pengguna Islam dan bukan Islam telah mendorong kepada peningkatan pasaran produk halal. Menurut Ketua Eksekutif *Halal Industry Development Corporation* (HDC), Jamil Bidin, jumlah pasaran produk halal dunia dianggarkan sebanyak USD 2.3 trilion (RM 7.44 trilion). Jumlah ini tidak termasuk sektor perbankan (Ahmad Farizal Hajat, 2013 dan MIHAS; 2015).

Manakala di Malaysia, laporan MITI (*Ministry of International Trade and Industry*) tahun 2015, statistik menunjukkan negara Malaysia telah mengeksport sebanyak RM 32.8 billion produk halal pada tahun 2013, dan 37.7 bilion pada tahun 2014 (Hafiz Ithnin, 2015). Jumlah ini terus menunjukkan peningkatan 39 bilion pada tahun 2015. Pengetahuan tentang kebaikan produk halal telah membawa unjuran positif terhadap permintaan produk halal. Jumlah pasaran produk halal dijangka akan terus meningkat sehingga USD 2.5 trilion (RM 9.24 trilion) menjelang tahun 2018 (Mohd Zaky Zainuddin, 2015).

Walaupun perkembangan industri halal memperlihatkan peningkatan pasaran setiap tahun, namun bilangan pengusaha selaku penggerak kepada industri halal masih terbatas. Sehingga Disember 2014 hanya terdapat 5,415 syarikat yang menceburi industri halal. Bilangan pengusaha yang masih rendah dilihat tidak seimbang dengan pasaran produk halal yang besar. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pemerintah khususnya melalui departmen agama Islam negeri untuk meningkatkan partisipasi usahawan melalui pendekatan tata kelola baik (*good governance*). Justeru kajian ini cuba melihat aplikasi teori tata kelola baik khususnya daripada dimensi pengawasan. Secara teoritisnya jelas memperlihatkan betapa pentingnya aktiviti pengawasan JHEAIPP yang efisien bagi menghasilkan dampak yang baik kepada industri halal di Pulau Pinang.

Potensi Industri Makanan Halal di Malaysia

Secara umumnya dalam konteks industri halal di Malaysia, ia masih didominasi oleh pengusaha bukan Islam sedangkan produk halal lebih sinonim dengan masyarakat Islam. Menurut Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz (2010) bekas Ketua Pengarah JAKIM, dalam kenyataannya pada Disember 2010 mendapati seramai 74.7 peratus pemegang sijil halal adalah daripada kalangan pengusaha bukan Islam. Namun pada tahun 2012, Mashitah Ibrahim yang turut merujuk kepada statistik JAKIM menyatakan bilangan pemegang pensijilan halal yang dimiliki oleh pengusaha bukan Islam telah menurun kepada 70 peratus berbanding 74.4 peratus pada 2010 daripada jumlah keseluruhan pemegang pensijilan halal (Utusan Online, 10 Disember 2012). Bilangan ini secara tidak langsung menunjukkan terdapat sedikit peningkatan penglibatan pengusaha Islam dalam industri halal. Bilangan pengusaha Islam sehingga Mei 2016 mengusai 28 peratus industri halal di Malaysia (Utusan Online 28 Mei, 2016).

Oleh itu, makalah ini bertujuan mengkaji aspek pengawasan yang dijalankan pihak tata kelola dari perspektif pengusaha selaku pengguna perkhidmatan kepada pihak tata kelola label halal. Justifikasi pemilihan Pulau Pinang sebagai lokasi kajian berikutan bilangan pengusaha bukan Islam di Pulau Pinang adalah tinggi (JHEAIPP, 2016). Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2013) turut menunjukkan Pulau Pinang majoritinya terdiri daripada masyarakat bukan Islam iaitu sebanyak 56 peratus. Selain itu, faktor pihak tata kelola label halal di Pulau Pinang dipilih berikutan Pulau Pinang merupakan antara negeri pelopor kepada penyeragaman pensijilan logo halal Malaysia. Selain itu Pulau Pinang juga merupakan antara negeri yang mempunyai bilangan pengusaha produk halal yang tinggi.

Metodologi Kajian


Bagi menjawab persoalan berkaitan aspek pengawasan pihak tata kelola label halal JHEAIPP, 100 orang responden dipilih secara rawak (*random sampling*) dalam kalangan pengusaha produk halal di Pulau Pinang. Borang soal selidik diedarkan dan temu bual dijalankan bagi meneliti pandangan pengusaha selaku pengguna perkhidmatan terhadap pihak tata kelola label halal. Dapatan kajian dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan (*content analysis*) dan deskriptif dengan justifikasi analisis dapat dilakukan secara mendalam terhadap isi kandungan sesuatu data mengikut tema-temanya.

Dapatan dan Analisis Kajian

Dari perspektif teori tata kelola baik (*good governance*), pengawasan merupakan aspek yang penting dalam industri halal sama ada kepada pihak pengusaha mahupun kepada pihak tata kelola. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa setiap aktiviti yang melibatkan industri halal adalah mematuhi prosedur yang ditetapkan mengikut piawainya. Berdasarkan pendefinisian yang dikemukakan, pengawasan adalah proses mengukur prestasi dan mengambil tindakan untuk memastikan keputusan yang diinginkan.

Pengawasan adalah suatu proses untuk memastikan bahawa segala aktiviti dilaksanakan sesuai dengan peraturan yang ditetapkan. Dalam konteks industri halal, pihak tata kelola diamanahkan membuat pengawasan terhadap pensijilan halal yang telah mahupun masih dalam proses pengeluaran. Ini meliputi aspek pemantauan terhadap produk dan premis yang memohon dan telah mempunyai pensijilan halal secara berkala ataupun berdasarkan laporan pengguna.

Justeru, bahagian ini bertujuan menganalisis respons pengusaha terhadap aspek pengawasan pihak tata kelola label halal JHEAIPP. Terdapat 5 skala digunakan bagi menilai tahap pengawasan pihak tata kelola.



Jadual 1.1: Skala Kajian

| Maksud | Skala | Tafsiran respons |
|--------------------------------|-------|-----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | 1 | Respons balas negatif |
| Tidak Setuju | 2 | |
| Antara Setuju dan Tidak Setuju | 3 | Respons tidak pasti |
| Setuju | 4 | Respons positif |
| Sangat Setuju | 5 | |

Berdasarkan jadual 1.1 terdapat 5 skala digunakan. Skala 1 dan 2 mewakili tafsiran negatif responden terhadap kepatuhan pihak tata kelola terhadap piagam pelanggan (*client Charter*). Skala 3 tidak pasti manakala skala 4 dan 5 persepsi positif terhadap pihak tata kelola label

halal. Bagi nilai pula, tahap bagi min ditentukan seperti Jadual 1.2

Jadual 1.2 Jadual Nilai Min

(Sumber: Misnan Jamal, 2008)

Jadual 1.2 menjelaskan hubungan antara nilai min dan tafsiran persepsi responden. Bagi nilai min 1.00 hingga 2.33 tafsiran persepsi berada di tahap yang rendah. Diikuti dengan nilai min 2.34 hingga 3.67 dengan tafsiran persepsi yang sederhana. Bagi tafsiran persepsi yang tinggi dan baik nilai min adalah antara 2.68 hingga 5.00. Penilaian respons pengusaha produk halal di Pulau Pinang terhadap pihak tata kelola label halal JHEAIPP mengandungi 7 item yang meliputi aspek pengawasan. Analisis ke atas item-item seperti jadual 1.3 dan jadual 1.4.

Jadual 1.3: Peratusan Nilai Skala Bagi Ciri Tata kelola Baik dalam Pengawasan

| Pernyataan | Nilai Min | Tafsiran Persepsi | | |
|---|------------------|-------------------|-------|---------|
| | | 1&2 (%) | 3 (%) | 4&5 (%) |
| Sepanjang berurusan dengan pihak tata kelola, saya dapati pihak tata kelola unit halal JHEAIPP-1.00 hingga 2.33 | | | | |
| Datang ke premis bersama-sama pihak berkuasa lain cth: Jabatan Kesihatan, Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) | 2.34 hingga 3.67 | 8 | 6 | 86 |
| Melakukan aktiviti pemeriksaan sebelum mengeluarkan pensijilan halal | 3.68 hingga 5.00 | 0 | 0 | 100 |
| Melakukan aktiviti pemantauan sekurang-kurangnya setahun sekali | | 2 | 23 | 75 |
| Memeriksa premis dengan teliti dalam setiap aktiviti pemantauan | | 2 | 0 | 98 |

| | | | |
|---|----|----|----|
| Membantu pengusaha melancarkan proses memperoleh pensijilan halal | 1 | 9 | 90 |
| Memeriksa bahan-bahan yang digunakan dengan teliti | 0 | 2 | 98 |
| Memberi surat peringatan sebelum tamat tempoh pensijilan halal | 12 | 23 | 60 |

Jadual
1.4: Nilai
Min Bagi
Ciri Tata

Kelola Baik dalam Pengawasan

| Pernyataan Sepanjang berurusan dengan pihak tata kelola, saya dapati pihak tata kelola unit halal JHEAIPP:- | Min |
|--|------------|
| Datang ke premis bersama-sama pihak berkuasa lain, cth: Jabatan Kesihatan, Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) | 4.07 |
| Melakukan aktiviti pemeriksaan sebelum mengeluarkan pensijilan halal | 4.48 |
| Melakukan aktiviti pemantauan sekurang-kurangnya setahun sekali | 3.98 |
| Memeriksa premis dengan teliti dalam setiap aktiviti pemantauan | 4.24 |
| Membantu pengusaha melancarkan proses memperoleh pensijilan halal | 4.14 |
| Memeriksa bahan-bahan yang digunakan dengan teliti | 4.50 |
| Memberi surat peringatan sebelum tamat tempoh pensijilan halal | 3.54 |

Jadual
1.4
menunju
kkan
nilai
skor min
keseluru
han bagi
aspek
pengawa
san
adalah

4.11. Berdasarkan tafsiran respons, nilai keseluruhan aspek pengawasan adalah tinggi dan baik. Berdasarkan respons perilaku pengusaha sebagai pengguna perkhidmatan, pihak pengusaha meletakkan kedudukan pengawasan pihak tata kelola label halal JHEAIPP adalah baik dan memenuhi karakteristik tata kelola baik pengawasan.

Dari segi setiap item pula didapati kesemua item mempunyai nilai skor min yang tinggi kecuali item 7 di mana hanya mendapat nilai skor min sederhana iaitu 3.54. Item 7 merujuk kepada pemberian notis peringatan kepada pihak pengusaha sebelum tamat tempoh pensijilan halal.

Walaupun item ini mempunyai nilai skor yang sederhana namun 60 peratus dari keseluruhan responden memberi maklum balas positif terhadap pihak tata kelola dengan menyatakan menerima notis peringatan. Hanya 12 peratus responden mempunyai maklum balas negatif terhadap pihak tata kelola dalam aspek ini kerana tidak memperoleh notis peringatan. Selebihnya 23 peratus menyatakan tidak pasti sama ada menerima notis peringatan daripada pihak tata kelola label halal. Aspek pemberian notis sebelum tamat tempoh pensijilan halal hanya merupakan antara inisiatif tambahan yang diamalkan atas inisiatif pihak tata kelola label halal JHEAIPP sahaja. Pihak pengusaha perlu lebih peka terhadap pensijilan halal yang dimiliki.

Item-item lain dalam soal selidik yang mendapat skor min yang tinggi melibatkan aspek pemantauan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak tata kelola label halal kepada pengusaha produk halal. Hal ini menunjukkan pihak pengusaha senang bekerjasama dan mendapat bimbingan yang baik daripada pihak tata kelola. Kerjasama yang baik diberikan oleh pihak tata kelola label halal JHEAIPP telah menarik lebih ramai bilangan pengusaha menceburi industri halal.

Selain itu, item-item yang melibatkan aspek pemantauan mendapat maklum balas yang baik daripada pihak pengusaha. Pandangan yang baik dari aspek pemantauan terhadap pihak tata kelola label halal ini memberi kesan positif kepada perkhidmatan industri halal.

Pemantauan yang baik mampu mengurangkan masalah penyelewengan pensijilan halal sekaligus meningkatkan keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal yang dikeluarkan oleh pihak tata kelola label halal.

Secara umumnya, respons pihak pengusaha produk halal di Pulau Pinang terhadap perkhidmatan pihak tata kelola label halal JHEAIPP adalah positif dan memenuhi hampir kesemua aspek pemantauan. Aktiviti pemantauan serta pengawasan merupakan salah satu daripada bidang tugas pihak tata kelola label halal. Pihak tata kelola unit halal menjalankan aktiviti pemantauan melalui tiga kaedah iaitu pemantauan berkala, pemantauan berdasarkan aduan awam dan pemantauan susulan.

Pemantauan berkala dilakukan ke atas pemegang sijil halal JAKIM sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Pemantauan ini dijadualkan pada setiap bulan dengan keutamaan pemantauan ke atas syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah sembelih, tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan Jawatankuasa Halal Dalamannya. Pihak tata kelola label halal mengenal pasti jika sesebuah syarikat berisiko tinggi, maka aktiviti pemantauan akan dilakukan lebih daripada sekali setahun. Sebaliknya bagi syarikat yang berisiko rendah, pemantauan hanya dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun (JAKIM, 2011).

Selain itu, pemantauan berkala merupakan aktiviti pemantauan terhadap pemegang sijil halal JAKIM bagi menilai kepatuhan terhadap pensijilan dan penggunaan logo halal. Pemantauan berdasarkan aduan (penguatkuasaan) pula dilakukan bersama agensi penguatkuasaan yang lain sama ada hasil daripada aduan awam atau aktiviti pemantauan halal dan pemantauan susulan bertujuan memastikan tindakan telah diambil. Ketiga-tiga jenis pemantauan ini merupakan sebahagian aspek yang perlu dipenuhi oleh pihak tata kelola baik (good governance) menilai kecekapan pihak tata kelola menjalankan aktiviti pemantauan. Selain daripada ketiga-tiga jenis pemantauan yang dinyatakan, pihak tata kelola akan mengadakan lawatan dan pemantauan ke premis yang memohon pensijilan halal.

Bagi menilai ciri tata kelola baik dalam dimensi pemantauan terhadap pihak tata kelola label halal aspek demografi, keadaan dan penglibatan pengusaha diteliti. Aspek demografi pengusaha dibahagikan kepada beberapa bahagian dalam menilai aspek pemantauan pihak tata kelola. Antaranya gender, agama, bangsa, dan pendidikan. Dari aspek agama didapati pengusaha bukan Islam lebih cenderung untuk memiliki pensijilan halal berbanding pengusaha beragama Islam di Malaysia dan di Pulau Pinang khususnya. Statistik menunjukkan 74 peratus pengusaha yang menceburi industri halal terdiri daripada pengusaha bukan Islam dan bilangan ini semakin meningkat saban tahun (Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz, 2010).

Aspek agama memainkan pengaruh terhadap pihak tata kelola. Memandangkan bilangan pengusaha bukan Islam tinggi di Pulau Pinang, maka aktiviti pemantauan sering dijalankan untuk memastikan pengusaha sentiasa mematuhi segala peraturan. Pihak tata kelola sering mendapat aduan berkaitan sesuatu produk mahupun premis daripada orang awam yang sangsi berkaitan pensijilan halal. Oleh itu, aktiviti pemantauan sering dijalankan terutama di premis yang dirasakan berisiko tinggi.

Selain itu, aspek agama secara tidak langsung mempengaruhi perilaku pengusaha terhadap tata kelola. Pengusaha yang mematuhi peraturan dan mempamerkan sikap kefahaman yang tinggi serta sensitif terhadap aspek halal akan mempengaruhi aspek pemantauan pihak tata kelola. Pihak tata kelola label halal akan lebih memberi penerangan dan perhatian kepada pengusaha yang kurang faham berkaitan isu halal. Kefahaman yang baik penting kerana isu halal merupakan aspek yang berkaitan dengan agama dan dipandang serius oleh pengguna terutama pengguna Islam. Menurut Mohamad Syafiqe Abdul Rahim (2006), pengusaha bukan Islam terutamanya perlu difahamkan tentang konsep halal sebenar bagi mengelakkan

penyelewengan pensijilan halal. Kesannya imej tata kelola akan tercalar akibat sikap kurang peka sesetengah pengusaha yang mengambil mudah dan kurang sensitif terhadap isu halal.

Selain dari aspek faktor demografi agama, terdapat kajian-kajian lepas yang memperlihatkan hubungan aspek demografi pendidikan dengan pemantauan pihak tata kelola. Namun, fokus kajian adalah terhadap pihak tata kelola zakat. Kajian Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, Ahmad Sufyan Che Abdullah, Adibah Abd Halim & Norhalyani Mohamad. (2008) membincangkan aspek pemantauan pihak tata kelola zakat terhadap pengusaha asnaf yang menerima bantuan zakat. Kajian ini turut mendapati beberapa aspek pengaruh peribadi mempunyai perkaitan dengan pemantauan pihak tata kelola.

Seterusnya, aspek pendidikan juga merupakan salah satu dari ciri demografi yang mempengaruhi aspek pemantauan dan pengawasan pihak tata kelola. Jika seseorang mempunyai tahap pendidikan dan ilmu yang tinggi mereka akan lebih cenderung untuk lebih mudah memahami prosedur yang ditetapkan pihak tata kelola. Hal ini sekali gus mengurangkan kekerapan aktiviti pemantauan yang dijalankan sebelum memperoleh pensijilan halal.. Hal ini sekali gus memperkukuh kajian Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi et. al (2008) yang mendapati pihak pengusaha yang berilmu lebih berjaya dan kurang berilmu memerlukan lebih kerap pemantauan.

Kajian Gai Chia Herr (2007) melihat aspek perilaku pengusaha dari sudut demografi namun fokus kajian beliau lebih menjurus kepada pihak pengusaha tidak patuh kepada pihak tata kelola. Penemuan kajian menunjukkan faktor gender dan tahap pendidikan seseorang peniaga memberi pengaruh yang besar terhadap perilaku ketidakpatuhan terhadap sesuatu peraturan. Oleh yang demikian, faktor demografi dilihat juga berperanan sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi perilaku pengusaha.

Selain daripada faktor demografi faktor keadaan persekitaran turut merupakan salah satu aspek yang mempengaruhi perilaku pengusaha produk halal. Keadaan persekitaran merupakan sebahagian dari aspek pengaruh peribadi yang mempengaruhi perilaku pengusaha terhadap tata kelola. Keadaan persekitaran membawa maksud keadaan luaran atau keadaan yang wujud dalam sesuatu situasi dalam mempengaruhi perilaku. Dalam konteks ini, pengusaha merupakan pihak yang berada antara pihak pengguna dan pihak tata kelola. Oleh yang demikian, keadaan persekitaran yang dihadapi pengguna memberi kesan kepada pihak pengusaha dalam menilai aspek pemantauan. Sebagai contoh, media memberikan kenyataan-kenyataan berkaitan penyelewengan pensijilan halal. Pelaporan media ini akan mempengaruhi persepsi pengguna terhadap isu ini. Terdapat pelbagai penemuan yang mengetengahkan permasalahan pensijilan halal palsu antaranya Abdullah Wahab (2012), Angelina Sinyang (2010). Walaupun penyelewengan pensijilan halal dilakukan oleh segelintir pengusaha, namun ia memberi kesan kepada keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal sekali gus mencalarakan imej pihak tata kelola.

Selain itu, permasalahan penyelewengan pensijilan halal ini disokong oleh faktor kelemahan sistem pemantauan seperti yang diketengahkan oleh Nordin Ahmad (2001) mendapati bilangan kakitangan yang terlibat dengan aktiviti pemantauan adalah terhad. Sehubungan dengan itu, dapat diringkaskan bahawa bidang kuasa tata kelola yang terhad khususnya dari segi pemantauan dan kekurangan sumber manusia merupakan salah satu faktor menyumbang kepada kelemahan sistem pemantauan dan penguatkuasaan.

Penelitian terhadap isu label halal yang berkaitan aspek pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dipisahkan dengan aspek modal insan. Kajian Shahidan Shafie & Md. Nor Othman (2006) dan Zulkifli Hassan (2007) menegaskan bahawa kelemahan aspek pemantauan dan penguatkuasaan merupakan hambatan kepada tata kelola yang berhubungan dengan aspek modal insan.

Namun situasi berbeza berlaku di Pulau Pinang, dapatan kajian menemukan bahawa pihak pengusaha produk halal meletakkan pihak tata kelola label halal berada di tahap yang

baik dari aspek pengawasan. Berdasarkan pengaruh psikologi iaitu persepsi dan pengalaman yang dilalui, majoriti pihak pengusaha produk halal yakin dengan aktiviti pengawasan yang dijalankan.

Kajian yang turut dijalankan di Pulau Pinang melalui kajian Zulkifli Dahalan (2008) yang mendapati penduduk lebih mementingkan pensijilan halal pada makanan sebagai faktor utama pemilihan makanan halal. Oleh yang demikian, pihak pengusaha seharusnya lebih peka terhadap pensijilan halal yang dikeluarkan kerana ia memberi impak kepada pengguna produk (Hamza Salim Lutfi Khraim, 2000).

Kesimpulan

Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa pihak tata kelola label halal JHEAIPP berada di tahap yang baik bagi aspek pengawasan. Walau bagaimanapun terdapat elemen masalah kecil yang masih belum memenuhi aspek pengawasan sepenuhnya namun ruang bagi pihak tata kelola label halal JHEAIPP untuk penambahbaikan masih terbuka. Masalah penyelewengan dan penyalahgunaan pensijilan halal akan dapat dikurangkan sekiranya pihak pengusaha memperoleh pensijilan halal tepat pada masa yang dijanjikan.

Hubungan kerjasama dan pemantauan yang baik oleh pihak tata kelola label halal turut dapat mengatasi masalah berkaitan pensijilan halal. Ringkasnya, pandangan positif pihak pengusaha produk halal terhadap pihak tata kelola label halal mampu memberi keyakinan kepada para pengusaha yang masih belum menceburi industri halal.

Daftar Pustaka

- Ahmad Farizal Hajat. (2013, 19 September). Label halal Terbesar Dunia. *Berita Harian Online*. Di akses dari [http://www.bharian.com.my/articles/Label halal Terbesar dunia/Article/](http://www.bharian.com.my/articles/Label%20halal%20Terbesar%20dunia/Article/) pada 20 Oktober 2013.
- Abdullah Wahab. (2002, 17 Februari). Guna Sijil Halal palsu. *Harian Metro Online*. Diakses dari [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Gunasijilhalal palsu/Article](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Gunasijilhalal%20palsu/Article) pada 4 Mei 2014.
- Angelina Sinyang. (2010, 4 Mac). Restoran Guna Sijil Halal Palsu. *Utusan Online*. Diakses dari http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm pada 3 Jun 2014.
- Gai Chia Herr. (2007). *Perilaku Ketidakpematuhan di Kalangan Perniagaan Mikro dan Kecil*. Latihan Ilmiah Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, Tidak diterbitkan.
- Hafiz Ithnin. (2015, 16 Mac 2015). Ekonomi Global Tak Menentu. *Harian Metro Online*. Diakses dari <http://www.hmetro.com.my/node/37227> pada 20 Mac 2015.
- Hamza Salim Lutfi Khraim. (2000). *The Effect of Religiosity, Socioeconomic Status and Ethnic Intensity on the Malay Consumers Purchasing Decisions*. Tesis Doktor Falsafah Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Halal Industry Development Corporation (HDC). (2014). *Statistik Certified Halal*. Diakses dari http://www.hdc.global.com/publisher/gwm_industry_statistics pada 20 Januari 2015.
- JAKIM. (2011). Standard Malaysia. *Standard Malaysia Berkenaan Makanan Halal (MS 1500:2009)*. Diakses dari <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/garis-panduan/standard-malaysia> pada 12 Januari 2012.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2013). *Maklumat Asas Negeri Pulau Pinang 2013*. Diakses dari [https://www.penang.gov.my/images/pdf/statistik%20sosio ekonomi/1.%20DEMOGRAFI% 20&%20EKONOMI.pdf](https://www.penang.gov.my/images/pdf/statistik%20sosio%20ekonomi/1.%20DEMOGRAFI%20&%20EKONOMI.pdf). Diakses pada 6 Mei 2014.
- JHEAIPP. (2016). *Pemegang Sijil Halal*. Diakses dari <http://jaipp.penang.gov.my/index.php/halal>.

Diakses pada 1 Jun 2016.

- MIHAS. (2015). *Malaysia Aims to Energise the Halal Ecosystem Through the World Halal Summit*. Diakses dari <http://www.mihas.com.my/malaysia-aims-to-energise-the-halal-ecosystem-through-the-world-halal-summit/> pada 15 April 2015.
- Misnani Jamal. (2008). *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tidak diterbitkan
- Mohamad Syafiqe Abdul Rahim. (2006). *Masyarakat Perlu Jelas Tentang Konsep Halal dan Haram*. Diakses dari <http://www.islam.gov.my/konsep-halal-cahaya-oktober> pada 3 Oktober 2012.
- Mohd Abd Wahab Fatoni bin Mohd Balwi, Ahmad Sufyan bin Che Abdullah, Adibah Abd Halim, & Norhalyani Mohamad. (2008). *Pembangunan Pengusaha Asnaf Melalui Bantuan Dana Dan Latihan Lembaga Zakat Selangor : Satu Sorotan*. Kertas kerja dibentangkan di Paper Seminar Kepengusahaan Islam II Peringkat Kebangsaan. Diakses dari http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/kertas_persidangan/2011/06/pembangunan_pengusaha_asnaf_melalui_bantuan_dana_dan_latihan.pdf pada 19 Mac 2014.
- Mohd Zaky Zainuddin. (2015, 30 Mac 2015). HCMS Urus Pensijilan Halal Atas Talian. *Berita Harian Online*. Diakses dari <http://www.bharian.com.my/node/44277> pada 4 April 2015.
- Nordin Ahmad. (2001). *Persepsi Persatuan Pengguna di Malaysia Terhadap Status Pengesahan Sijil Halal JAKIM*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Fiqh dan Usuluddin Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.
- Shahidan Shafie, & Md Nor Othman. (2006). *Halal Certification: An International Marketing Issues and Challenges*. Kertas kerja dibentangkan di International Federation of Scholarly Associations of Management (IFSAM), Berlin, Germany.
- Utusan Online (2012, 10 Disember). 70 peratus daftar sijil halal peniaga bukan Islam. *Utusan Melayu (M) Bhd*. Di akses dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121211/dn_23/70-peratus-daftar-sijil-halalpeniaga-bukan-Islam pada 22 September 2013.
- Utusan Online. (2014, 7 Disember). Hanya 9.8% Orang Islam Ceburi Industri Halal. *Utusan Melayu (M) Bhd*. Diakses dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/hanya-9-8-orang-islam-ceburi-industri-halal-1.33474> pada 18 Mac 2015.
- Utusan Online. (2007, November 22). Minuman tin guna logo halal palsu. *Utusan Melayu (M) Bhd*. Diakses dari http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_02.htm pada 12 Mei 2014.
- Utusan Online. (2014, 14 Jun). Kilang mee sanggul di Bukit Mertajam guna logo halal tidak diiktiraf- KPDNKK. *Utusan Melayu (M) Bhd*. Di akses dari http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140614/dn_41/Kilang-mee-sanggul-di-Bukit-Mertajam-guna-logo-halal-tidak-diiktiraf--KPDNKK pada 9 Mac 2015.
- Utusan Online. (2014, 7 Disember). Hanya 28 Peratus Sijil Halal Milik Peniaga Islam. *Utusan Melayu (M) Bhd*. Diakses dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/hanya-28-peratus-sijil-halal-milik-peniaga-islam-1.335636> pada 1 Jun 2016.
- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. (2010, Disember 18). Logo halal lebih 'mahal' daripada nilai produk. *Berita Harian Online*. Diakses dari http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Logohalallebih_8216_maha_1_8217_daripadainilai_produk/Article/print.html pada 8

Januari 2011.

Zulkifli Dahalan. (2008). Kecenderungan Umat Islam Terhadap Konsep Pemakanan Halal: Kajian di UiTM Pulau Pinang. Kertas kerja dibentangkan di East Coast Economic Region (ECER) Regional Conference di Kota Baharu, Kelantan pada 15-17 Disember.

Zulkifli Hassan. (2007). *Undang-Undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang pada 11-12 Ogos 2007.